

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah penggunaan 'PIN & Pay' untuk transaksi pembayaran kad kredit yang diperkenalkan pada Julai 2017 telah berhasil untuk mengurangkan kes penipuan kad kredit di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perpindahan kepada kad pembayaran berasaskan PIN merupakan salah satu inisiatif untuk meningkatkan lagi keselamatan infrastruktur kad pembayaran. Tahap

pengesahan menggunakan tandatangan sebelum ini adalah tidak setinggi pengesahan menggunakan PIN. Ini adalah kerana pada lazimnya kebanyakkan peniaga tidak menyemak tandatangan pemegang kad dengan tandatangan di belakang kad pembayaran apabila transaksi dilakukan di terminal POS ('*point-of-sale terminal*'). Oleh yang demikian, penipuan di terminal POS boleh dielakkan dengan pelaksanaan *PIN & Pay*.

Kerugian akibat penipuan yang berkaitan dengan kad pembayaran secara relatif kekal rendah sejak perpindahan kepada kad pembayaran bercirikan cip pada tahun 2005. Jumlah kerugian akibat penipuan terus menurun bagi akhir Ogos 2017, masing-masing mencakupi 0.0184% dan 0.0317% daripada jumlah urus niaga dan nilai.